

KOMITMEN UNTUK MELINDUNGI KEHARMONIAN AGAMA

Singapura telah menikmati tahap keharmonian dan keamanan yang tinggi dalam masyarakat kita yang berbilang agama. Ini bukan sesuatu yang berlaku secara kebetulan. Kita perlu terus berusaha melindungi, menghargai dan menggalak keharmonian agama, kerana ia adalah kunci keamanan, kemakmuran dan kemajuan kita. Untuk tujuan ini, kami berikrar akan:

Mendukung Kebebasan Beragama

1. Kami akan mendukung jaminan kebebasan beragama yang termaktub di dalam Perlembagaan, dan hak setiap warga untuk menganuti, mengamalkan dan menyebarkan kepercayaan yang berbeza daripada kepercayaan kami, termasuk mereka yang tidak menganuti sebarang agama.

Membina Hubungan yang Lebih Erat

2. Hubungan antara agama yang kukuh merupakan kunci keharmonian agama. Walaupun kepercayaan kita mungkin berbeza, kita mempunyai nilai-nilai yang sama, seperti kerja amal, kasih sayang, sikap hormat dan ihsan. Ini selaras dengan nilai-nilai kita yang bertujuan menggalak interaksi yang kerap, termasuk:

- a. Membina dan mengekalkan hubungan yang bermakna dengan penganut agama lain;
- b. Menawarkan bantuan kepada penganut agama lain, termasuk dalam masa-masa darurat;
- c. Menawarkan perkhidmatan komersial bukan agama kepada semua tanpa mengambil kira kepercayaan mereka, serta memperoleh khidmat yang sama daripada syarikat-syarikat di mana pemiliknya mungkin mempamerkan lambang-lambang keagamaan mereka;
- d. Saling memberi ruang kepada satu sama lain untuk mengamalkan agama masing-masing, dan berbuat demikian dengan cara yang penuh hormat dan sensitif;
- e. Makan bersama biarpun kita mempunyai tuntutan pemakanan agama yang berbeza;
- f. Saling memberi ucap selamat dan menghadiri sambutan perayaan satu sama lain; dan
- g. Menghadiri majlis-majlis penting dalam kehidupan penganut-penganut agama lain, seperti majlis perkahwinan dan pengkebumian, biarpun ianya diadakan di tempat ibadah agama berkenaan.

Memupuk Budaya Bertimbang Rasa dan Saling Memahami

3. Kami akan memupuk budaya bertimbang rasa dan saling memahami antara satu sama lain. Apabila berinteraksi dengan penganut agama lain, kami akan mendukung norma-norma masyarakat dengan bersedia untuk bertolak ansur. Kami sedar walaupun masyarakat kita berbilang agama, negara kita adalah negara sekular, dan di ruang-ruang awam, amalan keagamaan seseorang mungkin boleh menimbulkan salah faham. Kami akur bahawa tidak semua orang sedar tentang perkara-perkara sensitif berkaitan agama, dan apabila timbul salah faham dan pertikaian, kami akan menyelesaikannya melalui dialog secara berhemah.

Berkongsi Perihal Agama dan Berdakwah secara Berhemah dan Sensitif

4. Kami akan berkongsi tentang agama kami dan menyebarkannya secara berhemah, dengan mengambil kira isu-isu sensitif antara agama dan dalam kalangan penganut sesuatu agama itu sendiri. Kami akan memastikan amalan-amalan keagamaan kami dilakukan secara berhemah dan sensitif. Kami tidak akan memperkecilkan, menghina atau menimbulkan perasaan buruk sangka terhadap kepercayaan lain. Kami menolak dengan tegas dan tidak akan menerima sebarang bentuk keganasan ke atas sesiapa pun, termasuk kerana agamanya.

Mengekalkan Perpaduan semasa Darurat

5. Dalam masa-masa darurat, kami akan mengikrarkan perpaduan kami dengan para penganut agama lain, saling berbincang dan membantu, dan bekerjasama ke arah mengekalkan perpaduan sosial sebagai matlamat utama kita.

Menyokong Usaha Institusi

6. Kami akan menyokong institusi-institusi nasional yang mempunyai matlamat untuk mendukung dan menggalakkan keharmonian agama, seperti Kumpulan Keyakinan Antara Kaum dan Agama, Jawatankuasa Pemandu Nasional mengenai Keharmonian Kaum dan Agama, dan Majlis Presiden bagi Keharmonian Agama. Kami akan berusaha untuk menganjurkan dan menyertai kegiatan-kegiatan yang dianjurkan untuk semua bagi menjalin persahabatan dan membina keyakinan, dan sama-sama mengusahakan projek-projek demi kebaikan bersama.

Melindungi Keharmonian Agama bagi Singapura yang Lebih Baik untuk Semua

7. Kami terima dan akan mengamalkan ikrar yang terkandung dalam Komitmen ini. Kami boleh menyumbang kepada keharmonian agama di Singapura menerusi kata-kata dan tindakan kami. Sama-sama, kami akan memastikan bahawa negara kita terus maju dan makmur dalam suasana aman dan harmoni, di mana semua dapat menjalani kehidupan yang memuaskan bersesuaian dengan kepercayaan mereka.